

09/10/1999

Daripada dwienjin ke Boeing 747-200

Ebi Azly Abdullah

ERA penerbangan awam di negara ini boleh dikatakan bermula hampir 100 tahun lalu dengan penerbangan belon di atas bangunan kerajaan di Jalan Batu (Batu Road), Kuala Lumpur. Ini diikuti penerbangan awam pertama oleh G P Kuller pada Jun 1911. Beliau berjaya mendaratkan pesawat jenis Antoinette Monoplane di padang lumba kuda di Jalan Ampang (sekarang tapak Kuala Lumpur City Centre).

Kira-kira 13 tahun selepas itu, penerbangan komersil pertama direkodkan di negara ini, iaitu pendaratan pesawat di sebuah padang rumput di Alor Star. Kewujudan padang terbang itu adalah berikutan keputusan kerajaan British ketika itu, untuk membina sebuah kemudahan aeronautik di Alor Star dan Taiping. Kedua-dua padang terbang itu adalah yang pertama di Tanah Melayu.

Perkembangan sejarah penerbangan itu menyebabkan bermulanya beberapa siri penerbangan sewa khas, yang menghubungkan bandar tertentu seperti Bangkok, Hong Kong dan Singapura. Melihat betapa pentingnya kedudukan Pulau Pinang kepada pihak British, sebuah lapangan terbang dibina dan diberi nama Lapangan Terbang Bayan Lepas di pulau mutiara itu.

Ketika itu, Ocean Steamship Company of Liverpool, Straits Steamship Company of Singapore dan Imperial Airways memohon kepada Kerajaan Negeri-negeri Selat untuk memulakan perkhidmatan udara di antara Singapura dan Pulau Pinang pada 1937.

Pada 1941, tercetusnya Perang Dunia II yang menyebabkan semua kegiatan penerbangan dihentikan. Selepas peperangan iaitu pada 1946, Kerajaan British pada Jun bersetuju menubuhkan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) yang disusuli kerja baik pulih lapangan terbang pada awal 1947.

Akhirnya pada 1 Mei 1947, Malayan Airways Ltd (MAL) pula ditubuhkan untuk menepati kehendak operasi komersil. Operasinya bermula dengan sebuah pesawat dwienjin Airspeed Consul yang hanya memuatkan lima orang bagi empat destinasi. Tiga bulan selepas memulakan operasi, MAL menambah pesawatnya dengan pembelian DC-3 dan memulakan penerbangan antarabangsa ke Batavia (Jakarta), Medan, Palembang dan Saigon menjelang akhir tahun pertama operasinya. Penggunaan pesawat DC-3 itu turut menyaksikan pelancaran krew kabin.

Pada 6 Oktober 1952, lapangan terbang Melaka dibuka dengan rasminya oleh Duchess of Kent. Langkah itu bertujuan menampung permintaan dan keperluan sektor penerbangan dalam negeri yang semakin meningkat setiap tahun.

Pengiktirafan Lapangan Terbang Kuala Lumpur sebagai sebuah lapangan terbang bertaraf antarabangsa pada 1 Ogos 1956, mempertingkatkan lagi kegiatan penerbangan di rantau ini. Hasilnya, pada 1 Julai 1957 perkhidmatan penerbangan pertama ke Eropah dari Kuala Lumpur diperkenalkan. Penerbangan bersejarah itu membabitkan pesawat Bristol Britannia berkuasa turboprop.

Perangkaan menunjukkan pada 1957 saja, 130,000 penumpang menggunakan perkhidmatan udara menerusi lapan lapangan terbang di seluruh Tanah Melayu. Jumlah itu bertambah kepada 132,811 pada 1958, sekali gus membuktikan peningkatan populariti konsep pengangkutan itu di negara ini.

Pada 1958, MAL menjadi syarikat awam di bawah BOAC/Qantas dan kerajaan Persekutuan Malaya, Singapura dan Wilayah Borneo. Syarikat itu kemudiannya memperolehi pesawat Beaver dan melancarkan laluan Hong Kong dengan pesawat baru, Douglas DC-4 Skymaster.

Selama kira-kira 12 tahun selepas itu, kegiatan penerbangan awam menjadi

penting apabila Malaya mengalami peristiwa darurat. Penerbangan di antara Singapura, Melaka, Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang menjadi tumpuan perjalanan utama.

Ia menyebabkan Lapangan Terbang Kuala Lumpur (di Sungei Besi) terpaksa diperbesarkan apabila ia didapati gagal menampung pertumbuhan pesat industri terbabit. Akhirnya sebuah lapangan terbang dibina pada 1960 di Kampung Subang Selangor, yang hari ini dikenali Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS).

Perkembangan sektor penerbangan awam semakin pesat, jelas dicerminkan dengan pertambahan jumlah penumpang, kargo serta bilangan pesawat yang mendarat di lapangan terbang utama seperti Lapangan Terbang Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu.

Sehingga akhir 1960-an, sebanyak 16 syarikat penerbangan beroperasi di negara ini, dengan 10 syarikat berpangkalan di Kuala Lumpur, empat syarikat di Pulau Pinang manakala dua lagi di Kota Kinabalu.

Penubuhan Malaysia pada 1963 menyaksikan MAL dinamakan Malaysian Airways Ltd (MAL). Pada tahun yang sama, ia memperolehi lima pesawat F-27. Perbincangan dengan kerajaan di rantau ini menyebabkan Borneo Airways diserapkan ke dalam MAL, sekali gus meningkatkan barisan pesawat dan rangkaian syarikat itu pada 1965.

Pembangunan pesat industri itu menyebabkan jumlah lapangan terbang turut meningkat. Sehingga 1969, sebanyak 17 lapangan terbang dikendalikan DCA dengan empat bertaraf antarabangsa seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching.

DCA turut mengendalikan lapangan terbang di Alor Star, Bintulu, Kota Bahru, Kuala Terengganu, Lahad Datu, Melaka, Miri, Sandakan, Sibul dan Tawau untuk perkhidmatan dalam negeri.

Selain itu, dua lapangan terbang dikendalikan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) iaitu Labuan dan Kuantan. Awal 1970-an menyaksikan DCA diletakkan di bawah portfolio Kementerian Perhubungan (Kementerian Pengangkutan) sebagai satu bahagian.

Pada 1966, Kerajaan Malaysia dan Singapura memperolehi kawalan majoriti MAL. Ketika itu barisan pesawatnya ialah lima pesawat Comet IV, enam F-27, lapan pesawat Douglas dan dua Twin Pioneer dengan 2,400 kakitangan.

MAL kemudiannya dinamakan Malaysia-Singapore Airlines Limited (MSA) pada 1967. Pada tahun itu, MSA memperluaskan rangkaian antarabangsanya ke Manila, Perth, Sydney dan Taipei. Apabila perkongsian MSA dibubarkan pada 1971, Malaysia Airlines Berhad ditubuhkan pada 3 April dengan modal berbayar RM100 juta. Pada 30 November, syarikat itu dinamakan Malaysian Airline System Berhad (MAS).

Selepas pengkorporatannya, MAS selaku syarikat penerbangan rasmi Malaysia mula beroperasi pada 1 Oktober 1972, dengan rangkaian membabitkan 34 destinasi domestik dan enam laluan antarabangsa. Pada 1989, MAS menerima dua pesawat B747-400 pertamanya dan menempah lapan pesawat Airbus A330 pada kos RM2.4 bilion.

Pada 1994, di bawah kepimpinan Tan Sri Tajudin Ramli, Osaka menjadi destinasi global MAS ke-95. Hari ini barisan pesawatnya merangkumi pesawat terkini seperti B777-200, B747-400, B747-300 SUD, B747-200, McDonnell Douglas DC-10, Airbus 300 dan 330, B737 dan Fokker F50.

Pada 1997 MAS menyambut ulang tahunnya ke-50 dan tahun lalu MAS memindahkan pangkalan utamanya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang secara tidak langsung menandakan satu era baru penerbangan negara.

KLIA, yang juga lapangan terbang kedua terbesar di dunia dari segi saiz selepas Lapangan Terbang Antarabangsa Denver di Amerika Syarikat, bukan saja memperkenalkan konsep pengangkutan udara terkini, malah secara tidak langsung membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Selain menjadi antara lapangan terbang terbesar di dunia, pembinaan KLIA yang menelan belanja lebih RM10 bilion, turut mencatat beberapa pencapaian yang sukar ditandingi lapangan terbang antarabangsa lain di rantau ini.

Ini termasuk memiliki menara kawalan trafik udara tertinggi di dunia, sistem pengurusan lapangan terbang bersepadu yang pertama di dunia serta sistem pendaftaran dan pemprosesan penumpang (PCPS) terancang.

Dasar jangka panjang kerajaan tidak terhad dengan pembangunan infrastruktur dan pembelian pesawat baru saj. Pada 1997, Kertas Dasar Pembangunan Industri Aeroangkasa Malaysia yang antara lain merangkumi cadangan penubuhan Majlis Aeroangkasa Kebangsaan dan Agensi Pentadbiran Angkasa Malaysia (MASA), dilancarkan.

Kertas dasar yang menjadi wawasan utama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu turut mencadangkan langkah meningkatkan taraf Jabatan Penerbangan Awam (DCA) kepada Lembaga Penerbangan Awam (CAA) yang berfungsi mengawasi, mewujudkan peraturan dan kawalan trafik udara serta produk dan perkhidmatan aeroangkasa.

Majlis Aeroangkasa Kebangsaan akan mengawasi pembangunan sektor aeroangkasa negara serta membuat keputusan penting membabitkan haluan, kepentingan dan strategi industri itu.